

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Pendekatan Teknologi (Apps) dan Program Pengukuhan Berdasarkan Model Kolb

Juwairiah Osman¹, Mardian Shah Omar², Salinah Jaafar³, Zuraina Ali⁴, Suryanti Awang⁵, Haslinda Hashim⁶, Mardhiyyah Zamani⁷

¹ Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang (juwairiah@ump.edu.my)

^{2,3} Jabatan Linguistik, Akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya (mardianso@um.edu.my, b1salina@um.edu.my)

⁴ Jabatan Bahasa Inggeris, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang (zuraina@ump.edu.my)

⁵ Fakulti Komputer Universiti, Malaysia Pahang (suryanti@ump.edu.my)

⁶ Jabatan Kemahiran Insaniah, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (haslinda@ump.edu.my)

⁷ Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang (mardhiyyah@ump.edu.my)

Received: 30 May 2021

Received in revised form: 6 June 2021

Accepted: 23 June 2021

Published: 1 July 2021

ABSTRAK

Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kemahiran berbahasa sangat diperlukan oleh tenaga pengajar termasuk elemen leksikal, penulisan, pertuturan, menghubungkan bahasa dan budaya, aplikasi teknologi yang amat mempengaruhi minat para pelajar asing (Zeckqualine Melai et al. 2020). Kajian ini merupakan rentetan daripada kajian Juwairiah Osman et al. (2018) yang telah menunjukkan penggunaan Model Kolb dalam membantu penguasaan bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Namun, kelemahan yang dikenal pasti ialah kurangnya aplikasi yang menyeluruh dari segi aktiviti berbantuan teknologi dan aktiviti yang lebih relevan dalam aspek aktiviti dan program pengukuhan. Sehubungan itu, strategi pembelajaran bahasa Melayu memerlukan pendekatan pembelajaran yang sistematik, menarik, interaktif dan berkesan kepada pelajar antarabangsa. Kajian ini bertujuan mengkaji strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan stail pembelajaran Model Kolb (1984), iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit yang diaplikasikan oleh para pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. Keempat-empat stail ini merangkumi pelbagai kaedah secara tradisional, inovasi pembelajaran dan pendekatan berbantuan teknologi. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar antarabangsa, iaitu termasuk penutur asing yang berada di kampus Gambang, Pahang. Namun, kajian ini akan berfokus pada aplikasi keempat-empat stail pembelajaran Model Kolb termasuklah pembinaan aplikasi (apps) yang baru dihasilkan pada tahun 2020, aktiviti dalam kelas, luar kelas, medium pembelajaran dalam talian, program pengucapan awam dan beberapa program yang lain. Dapatan menunjukkan pendekatan pemerhatian reflektif secara umumnya ialah 11.11%, konseptual abstrak ialah 11.11%, 33.33% dan 66.67%, eksperimen efektif ialah 11.11% manakala peringkat akhir iaitu pengalaman konkrit ialah 11.11%, 22.22% dan 77.78%. Hasil kajian menunjukkan strategi tersebut dapat membantu penguasaan bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa mahupun penutur asing sekali gus menarik minat untuk terus mempelajari bahasa Melayu.

Kata kunci

Pengajaran dan Pembelajaran, Bahasa Melayu, Teknologi, Pelajar Antarabangsa, Penutur Asing

ABSTRACT

Teaching and learning strategies in the Malay language proficiency is required by the instructors include lexical elements, writing, speech, language and culture correlate, the application of technology that greatly influenced the interest of foreign students (Zeckqualine Melai et al. 2020). This study is a sequence from the study of Juwairiah Osman et al. (2018) demonstrated the use of Model Kolb in helping control the Malay language to international students. However, the weaknesses identified were the lack of comprehensive application in terms of technology -assisted activities and more relevant activities in terms of activities and strengthening programs. Accordingly, the Malay language learning strategy requires a systematic approach to learning, engaging, interactive and effective international students. This study aims to examine teaching and learning strategies based on the learning style of Kolb's Model (1984), namely reflective observation, abstract conceptual, effective experiment and concrete experience applied by international students at Universiti Malaysia Pahang. These four styles encompass a variety of traditional methods, learning innovations and technology-assisted

approaches. This study involved a total of 30 international students, including foreign speakers who were at the Gambang Campus, Pahang. However, this study will focus on the application of the four learning styles of the Kolb's Model including the construction of new applications (apps) produced in 2020, activities in the classroom, outside the classroom, online learning medium, public speaking programs and several other programs. Findings show that reflective observation approach in general is 11.11%, abstract conceptual is 11.11%, 33.33% and 66.67%, effective experiment is 11.11% while the final stage of concrete experience is 11.11%, 22.22% and 77.78%. The results show that the strategy can help mastering the Malay language to international students or foreign speakers at once attracted to studying the Malay language.

Keywords

Teaching and Learning, Malay language, Technology, International Students, Foreign Speakers

Pengenalan

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan impaknya dalam bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa mahupun penutur asing sering kali dibincangkan, iaitu dalam kajian Mardian Shah Omar, (2019), Hasmidar Hassan (2018), Roshidah Hassan (2017), Cho Minsung (2013), Juwairiah Osman (2018) dan Siti Saniah Abu Bakar (2013). Hal ini disebabkan PdP subjek ini mempunyai pelbagai impak kepada imej negara, silang budaya dan mengantarabangsakan bahasa kebangsaan. Menurut Mardian Shah Omar dan Mashrom Muda (2019) menyatakan bahawa usaha memartabat dan mengantarabangsakan budaya dan bahasa Melayu (BM) sering dikaitkan dengan pengajaran bahasa terhadap pelajar antarabangsa mahupun penutur asing yang datang ke negara ini. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ini bukan sahaja melibatkan pelajar antarabangsa di semua universiti awam dan swasta, namun merangkumi penutur asing yang mempelajari dan ingin bertutur dalam bahasa Melayu. Penutur asing ini termasuklah pelajar yang melanjutkan pengajian di Malaysia, pelancong-pelancong, duta, pekerja asing, buruh asing atau sesiapa jua yang datang ke negara ini bagi tujuan tertentu. Namun, dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan pada strategi PdP Bahasa Melayu kepada penutur asing dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. Mereka datang ke Malaysia dari pelbagai negara iaitu Yemen, Arab Saudi, Egypt, Tanzania, China, Jerman, India, Kyrgystan, Tunisia, Libia, Sudan, Afrika dan Bangladesh.

Berdasarkan kajian Siti Saniah Abu Bakar (2013), menunjukkan bahawa berlaku peningkatan sebanyak 4.17% dalam enrolmen pelajar asing ke IPTA iaitu 24214 pada tahun 2010, dan seramai 25267 pada tahun 2011. Walaupun terlihat berlakunya penurunan sebanyak 27.84% enrolmen pelajar antarabangsa di IPTS, iaitu 62705 pada tahun 2010, dan 45246 pada tahun 2011, namun jumlah tersebut tidak boleh dipandang mudah kerana jumlah pelajar seramai 70513 orang (berdasarkan enrolmen pelajar IPTA dan IPTS pada tahun 2011) merupakan duta-duta kecil yang akan bergerak ke serata dunia dalam memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu setelah mereka tamat belajar di sini (hlm. 53-54). Dalam hal ini, strategi pengajaran dan pembelajaran mestilah diteruskan dan ditambahbaik dari masa ke masa melihat pada kepentingannya.

Menurut Roshidah Hassan (2017), strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing ini perlu dijalankan dalam pelbagai pendekatan termasuklah melibatkan 4 kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur yang seterusnya dianalisis berdasarkan strategi kepada 6 kategori utama, iaitu strategi ingatan, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif dan sosial. Dalam kajian Yong Chyn Chye et al. (2012) yang mengkaji kesilapan dalam aspek fonologi dalam kalangan pelajar asing di sebuah universiti swasta telah menekankan setiap pelajar yang berlainan kemampuan berbahasa memerlukan penekanan berbeza. Dalam kata lain, pelajar asing memerlukan pendekatan pengajaran yang pelbagai dari semua aspek seiring dengan perubahan semasa yang menyarakkan penggunaan teknologi dan aktiviti pengukuhan yang menarik. Menurut beliau lagi, hal ini selaras dalam usaha menitikberatkan kursus bahasa Melayu asing bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam menarik lebih ramai pelajar asing ke Malaysia. Pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa merupakan subjek yang istimewa kerana subjek ini menjadi serampang dua mata kerana di samping mengajar kemahiran bahasa asing kepada pelajar antarabangsa, malah medium terbaik dalam mendedahkan kepada dunia tentang keunikan bahasa dan budaya Melayu kepada pelajar antarabangsa yang diyakini pasti akan disebarluaskan oleh mereka kepada komuniti masing-masing setelah pulang ke negara asal kelak. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing memerlukan pelbagai pendekatan bergantung pada kesesuaian dan kemampuan pelajar tersebut.

Penyataan Masalah

Permasalahan yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah para pelajar antarabangsa tidak bermotivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai asing. Hal ini disebabkan pelajar kurang minat dan motivasi dalam cara tenaga pengajar bagi proses pembelajaran. Bagi pelajar yang baik prestasinya adalah disebabkan minat mereka sendiri seperti yang dinyatakan oleh Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli (2018:125) bahawa secara keseluruhannya, analisis yang dijalankan menunjukkan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di Jerman lebih bermotivasi intrinsik berbanding motivasi ekstrinsik kerana pelajar mempelajari bahasa Melayu disebabkan faktor dalaman mereka yang benar-benar meminati bahasa Melayu. Menurut Zeckqualine Melai dan Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2017) strategi pengajaran perlu melibatkan bahan berbentuk teknologi seperti video, audio, kuiz dan permainan atas talian dan bukan talian yang mampu mempengaruhi minat pelajar dan keberkesanan objektif kursus bahasa Melayu ini. Selain itu, permasalahan yang wujud dalam pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing ialah teknik pengajaran oleh tenaga pengajar yang kurang selaras dan berdasarkan pengalaman masing-masing. Menurut Mardian Shah Omar (2018:2) menyatakan bahawa program bahasa Melayu untuk penutur asing bergantung pada pengetahuan dan kemahiran guru yang mengajar berdasarkan pengalaman masing-masing sehinggakan kepelbagaian teknik inilah yang menjadi masalah kerana mewujudkan dan menyebabkan kebolehan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing yang berlainan.

Pilih beberapa penulis secara spesifik. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa semakin dititikberatkan di semua universiti awam yang menerima pelajar antarabangsa. Namun, menerusi persidangan meja bulat tenaga pengajar bahasa Melayu untuk penutur asing yang diadakan pada 25-26 Oktober 2018 di Pusat Penyelidikan Langkawi Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah telah memaparkan kertas kerja dan kajian oleh tenaga pengajar kursus ini dari seluruh Malaysia. Hasil dapatan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar kurang menekankan pendekatan teknologi aplikasi (application) melalui penggunaan telefon pintar sama ada yang diambil dari luar atau dicipta sendiri oleh guru bahasa asing. Antara kajiannya ialah pelaksanaan pengajaran pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di UTM oleh Zaliza Mohamad Nasir et al. (2018) yang mana telah menjelaskan kajian mengenai tujuan dan matlamat pelajar asing mempelajari bahasa Melayu. Begitu juga kertas kerja yang lain di mana secara umumnya menekankan teknik pengajaran dan isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing dari sudut kesukaran vokal, kecelaruan morfologi dan sebagainya. Namun pendekatan teknologi seperti yang dinyatakan ini adalah kurang diaplikasikan. Walaupun aplikasi telah banyak terdapat di pasaran yang dibangunkan oleh syarikat swasta seperti Microsoft Translate, Malay Lingo, Google Translator, SayHi Translate, Dictionary Linguee, Textgrabber dan banyak lagi tetapi ia tidak berlandaskan silibes pembelajaran yang tepat dalam kursus bahasa Melayu komunikasi dan prinsip pembelajaran bahasa asing.

Kebanyakan kajian lebih membincangkan tentang kandungan silibes seperti pembinaan ayat, tatabahasa, leksikal, aktiviti dan sebagainya seperti kajian Siti Saniah, (2013), Khuzaiton binti Zakaria, (2014), Junaini Kasdan, 2018 dan Zaliza Mohamad Nasir, 2015. Maka, kajian ini menekankan penggunaan aplikasi yang dibina sendiri oleh penyelidik bersama pelajar antarabangsa yang telah mengikuti kelas bahasa Melayu. Pengkaji juga akan membincangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional dan moden termasuk aktiviti dan program yang dijalankan di peringkat kelas, universiti dan antarabangsa. Hal ini menunjukkan kajian ini ingin menambahkan kajian-kajian lalu yang kurang membincangkan strategi PdP menggunakan elemen-elemen ini, dan pertama kali kajian dalam bidang bahasa Melayu penutur asing ini akan menggunakan teori oleh Model Kolb (1984) yang mengutarakan 4 peringkat dalam gaya pembelajaran. Kajian sebelum ini belum pernah menggunakan model tersebut kecuali kajian oleh pengkaji sendiri sebelum ini, iaitu “Strategi pengajaran dan Pembelajaran bahasa melayu kepada Pelajar Anatarabangsa di Universiti Malaysia Pahang” yang telah dijalankan pada tahun 2018. Kajian ini merupakan kajian susulan daripada kajian tersebut, namun kajian ini lebih menyeluruh dengan menekankan aspek penggunaan aplikasi yang diadun dalam pembelajaran tradisional dan moden iaitu di dalam kelas, luar kelas, aktiviti dan program berasaskan Model Kolb yang mengandungi 4 peringkat atau proses ini. Teknik ini bukan sahaja berkesan kepada pelajar antarabangsa malah kepada penutur asing.

Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing telah banyak dijalankan tetapi kajian yang menggunakan Model Kolb belum pernah diaplikasikan. Kajian oleh Zaliza Mohamad Nasir (2015) telah mengkaji tentang tahap penguasaan dan kesalahan penulisan karangan bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa dan mengenal pasti masalah yang dihadapi pelajar asing dalam kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kesalahan tatabahasa

yang telah dianalisis oleh Zaliza adalah dari aspek sintaksis dan morfologi. Aspek morfologi yang dikenal pasti dan dibincangkan oleh pengkaji ini ialah kesalahan aspek perkataan, istilah, kata sendi nama, kata ganda, kata bilangan dan kata hubung pancangan. Kajian ini sangat bermanfaat kepada guru dan tenaga pengajar bahasa Melayu kepada penutur asing kerana di akhir kajian, satu modul peningkatan tatabahasa telah dihasilkan bagi para pelajar tersebut. Namun, kajian ini hanya menyentuh tentang sintaksis dan morfologi penulisan karangan dan beberapa masalah pembelajaran yang tertentu. Maka, pengkaji melihat satu kelompangan dalam kajian ini, iaitu memberikan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran agar proses penyampaian ilmu baharu yang dihasilkan itu dapat direalisasikan. Pada tahun 2015, satu kajian pelajar asing telah dijalankan oleh Siti Nur Roihan Saidin (2015) tentang pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di sebuah IPTA. Kajian ini bertujuan menjelaskan persepsi pelajar asing terhadap kemahiran bertutur dan faktor yang menyebabkan mereka kurang mengamalkan pertuturan dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan Teori Stephen Krashen (1985), iaitu Teori Monitor. Mardian Shah Omar, Azman Rahmat dan Yusfarina Mohd Yusoff (2017) telah mengkaji tentang pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing melalui pendekatan budaya. Kajian ini telah mengkaji tentang penggunaan aspek kata sapaan, kata nama dan kata adjektif yang diaplikasikan dalam aktiviti berbentuk kebudayaan dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Hasil kajian menunjukkan penerapan elemen kebudayaan ini membantu para pelajar dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Menurut Mardian Shah Omar et al. (2017), pengajaran yang menyulam elemen kebudayaan didapati sangat berkesan dan sesuai diaplikasi kepada pelajar antarabangsa di UNITEN yang bersifat teknikal. Kajian ini telah menerapkan satu unsur yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, iaitu kebudayaan. Maka, kajian tentang strategi pengajaran dan pembelajaran ini akan mengulas tentang unsur budaya ditekankan dalam peringkat-peringkat pengajaran Model Kolb.

Mardian Shah Omar dan Mashrom Muda (2019) dalam kajian pendekatan aplikasi telefon pintar dan internet telah mengkaji penggunaan telefon pintar dan internet dalam pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Responden yang dikaji ialah para pelajar antarabangsa di Universiti Tenaga Nasional Berhad (UNITEN). Mardian Shah Omar et al. (2019) menyatakan terdapat banyak kajian tentang isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu asing secara digital, iaitu Zamri dan Mohamed Amin (2008), Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman (2012), Nor Hafidah Ibrahim, Norzaliza Ghazali & Melor Fauzita Md. Yusoff (2016), Nuraihan Mat Daud (2018) serta ramai, namun mereka hanya membincangkan tentang kepentingan dan keberkesanan penggunaan kaedah interaktif digital ini tanpa menjelaskan cara kaedah ini digunakan. Maka, kajian Mardian Shah Omar ini telah menjelaskan kaedah penggunaan telefon pintar dengan berkesan. Antara yang dijelaskan ialah daya kreativiti guru dan usaha mempelbagaikan cara pengajaran antara penyumbang pada keberkesanan dan minat pelajar untuk terus menguasai bahasa Melayu. Hal ini termasuklah pemaparan budaya Melayu dalam Youtube dan Google Images. Dapatan kajian menunjukkan motivasi dan minat pelajar asing adalah tinggi untuk menguasai bahasa Melayu kerana ingin berkomunikasi dengan penduduk tempatan. Kajian ini telah memperkuatkan lagi bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi antara pendekatan yang perlu diberi penekanan kepada penutur asing. Dalam masa yang sama, kajian berasaskan Model Kolb ini dapat melengkapkan kajian lepas, iaitu dengan membincangkan secara lebih menyeluruh, iaitu kajian tradisional dan teknologi.

Seterusnya, kajian oleh Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2013) yang mengkaji tentang pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan para pelajar Korea di HFSU (Hankuk University of Foreign Studies). Kajian beliau telah memfokuskan pada strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar dalam menyampaikan sesuatu mesej. Lima strategi komunikasi telah dikenal pasti, iaitu strategi pengelakan, strategi parafrasa, strategi pemindahan secara sedar, strategi rayuan kerjasama dan strategi penggunaan isyarat (mine). Strategi ini merupakan Taksonomi Strategi Koumunikasi (Ubah Suai Taksonomi Tarone: 1983). Data diambil daripada data lisan dan tulisan. Data lisan yang diambil ialah menerusi drama pendek, perbualan mengenai diri, rakaman perbualan menggunakan perakam video dan transkripsi. Data tulisan pula dikaji daripada latihan karangan. Hasil kajian menunjukkan para pelajar Korea yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing ini menggunakan pelbagai strategi komunikasi secara aktif. Justeru itu, kajian yang menggunakan Model Kolb ini akan memperincikan empat peringkat yang mana turut mengadunkan elemen strategi komunikasi, iaitu menjurus pada latihan pertuturan seseorang pelajar bahasa asing. Pembelajaran bahasa asing adalah satu yang cukup mencabar, maka kajian strategi ini dapat menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi adalah hasil pembelajaran yang menjadi keutamaan termasuk kajian strategi PdP berdasarkan Model Kolb ini.

Dalam kajian oleh Yong Chyn-Chye, Vijayaletchumy a/p Subramaniam dan Chan Tze-Haw (2013) telah menekankan tentang peranan faktor ekstralinguistik dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di institut pengajian tinggi swasta. Responden yang dikaji adalah seramai 114 pelajar antarabangsa dari 21 buah negara. Hasil kajian menunjukkan factor ekstralinguistik sangat memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar berminat dan

mampu menguasai bahasa Melayu terutamanya faktor ekstralinguistik, iaitu integrasi. Kajian tersebut telah menggunakan Model Socioeducational yang dipelopori oleh Gardner (1985). Ekstralinguistik yang dikaji ialah pengaruh luar dan sikap serta motivasi pelajar yang mendorong untuk pelajar bersungguh-sungguh dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa faktor ekstralinguistik harus diambil berat oleh tenaga pengajar dalam memastikan para pelajar memperoleh motivasi yang konsisten dan suntikan berjaya diberikan kepada pelajar untuk mempelajari seterusnya menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2020) menerusi bab dalam buku yang bertajuk “Kebolehterjemahan Unsur Ekologi dalam Bahasa Korea ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Terjemahan Antologi Cerpen - Perjalanan ke Sampo” membincangkan salah satu unsur budaya dalam terjemahan teks bahasa. Penterjemahan dilihat bukan sahaja sebagai proses peralihan dua bahasa tetapi melibatkan juga peralihan dua budaya. Dalam konteks ini, budaya pengamal bahasa dapat difahami apabila terjemahan dilakukan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Sehubungan itu, proses terjemahan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing haruslah melibatkan elemen, topik atau aktiviti yang memberi pendedahan pada budaya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan 4 langkah utama yang telah dianjurkan oleh Model Kolb. Keempat-empat langkah ini telah dikongsikan dalam satu pertandingan inovasi pada peringkat antarabangsa dan memenangi pingat emas. Kajian ini akan membincangkan empat peringkat yang diutarakan oleh Model Kolb: Pembelajaran Berasaskan Pengalaman yang mengkategorikan empat peringkat gaya pembelajaran pelajar iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit. Keempat-empat peringkat ini melibatkan empat kemahiran berbahasa bagi mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan elemen tradisional dan moden termasuk aspek teknologi kepada para pelajar antarabangsa. Model Kolb adalah satu model yang telah digunakan oleh banyak pengkaji dalam pelbagai bidang, namun bagi bidang pembelajaran bahasa Melayu penutur asing masih sangat kurang digunakan. Empat peringkat yang diberikan oleh Kolb adalah berdasarkan kitaran tertentu namun dalam kajian ini pengkaji menyusun menjadi empat kronologi strategi iaitu daripada pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit. Kesemua susunan strategi ini akan dibincangkan pada bahagian hasil kajian dan perbincangan secara terperinci.

Pengumpulan Data

Data dikumpul daripada 30 orang pelajar antarabangsa dan penutur asing dari pelbagai negara. Responden dimaklumkan untuk memberi maklum balas secara jujur bagi mendapatkan dapatan yang sah dan dipercayai. Responden akan terlibat dalam empat peringkat kajian berdasarkan Model Kolb. Sebahagian penutur asing terlibat dalam keempat-empat peringkat, namun terdapat penutur asing yang telah terlibat dalam beberapa peringkat model tersebut.

Dapatan Kajian

Strategi pembelajaran bahasa asing ini telah disusun dalam empat peringkat utama yang merangkumi pendekatan dalam kelas, luar kelas, penggunaan teknologi, aktiviti dan program di dalam kampus, luar kampus termasuk peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kesemua strategi ini menunjukkan pengaruh pada minat dan motivasi pelajar secara menyeluruh. Dapatan utama yang ditekankan dalam kajian ini ialah bagaimana pendekatan teknologi melalui penggunaan buku, aplikasi dan buku digital yang menjadi kesukaan para pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu sekali gus telah berjaya meningkatkan minat dan motivasi untuk terus belajar, selain daripada dorongan guru bahasa atau tenaga pengajar yang konsisten menaikkan semangat mereka dengan kelebihan-kelebihan mempelajari bahasa asing. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa bagi Meningkatkan Minat dan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Asing. Strategi ini diukur dalam empat peringkat gaya pembelajaran berdasarkan Model Kolb. Skala pengukuran yang digunakan oleh pengkaji adalah skala 1 hingga 10, di mana skala 1 ialah paling rendah dan skala 10 ialah paling tinggi. Soal selidik telah diberikan kepada 9 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai negara di Universiti Malaysia Pahang dan 1 orang penutur asing iaitu seorang pengarah syarikat swasta berbangsa Jepun.

Dapatan 1

Pada peringkat pertama ini, pelajar atau penutur asing ini akan mempelajari bahasa Melayu di dalam kelas atau dalam kata lain mempelajari secara teori terlebih dahulu. Pelajar mempelajari bahasa Melayu dengan membaca, mendengar dan melihat atau menonton bahan pembelajaran audio dan video. Setelah melalui proses ini, pelajar akan melakukan latihan. Pada peringkat ini, latihan hanya dilakukan dalam kelas sahaja bagi memudahkan dan memberi ruang para pelajar memahami secara teori, perbendaharaan kata, terjemahan ayat mudah dan bunyi-bunyi perkataan. Latihan pada peringkat pemerhatian reflektif ini melibatkan latihan kemahiran mendengar dan membaca sahaja sebagai asas dan pengenalan sebelum beranjak ke peringkat untuk bertutur, perbualan dan menulis (Rajah 1).



Rajah 1: Antaramuka Apps

Pelajar juga diperkenalkan serba ringkas tentang pengenalan dan sejarah bahasa Melayu. Setelah itu, mempelajari dan cuba menyebut bunyi-bunyi huruf vokal dan konsonan termasuk diftong vokal dan diftong konsonan. Selepas pelajar mahir dan dapat menyebut huruf-huruf vokal, konsonan dan diftong dengan baik, pelajar akan diperkenalkan dengan kata-kata asas bagi setiap wakil huruf vokal /a/, /e/, /i/, /o/, /u/ dan konsonan /b/, /c/, /d/, /f/, /g/, /h/, /j/, /k/, /l/, /m/, /n/, /p/, /q/, /r/, /s/, /t/, /v/, /w/, /x/, /y/, /z/. Setelah memahami sebutan asas ini, pelajar didedahkan tentang perbualan asas dalam persekitaran hidup mereka di kampus dan luar kampus. Perbualan tersebut adalah berkaitan topik dan tempat-tempat seperti memperkenalkan diri, keluarga saya, rakan-rakan, memesan makanan di kafetaria, fakulti, pejabat, perpustakaan, pusat membeli-belah, panggung wayang dan sebagainya. Setelah melalui proses PdP ini, pelajar akan didedahkan cara menterjemah sesuatu ayat dan teknik membina satu-satu ayat dengan formula mudah, iaitu *SVO (Subject-Verb-Object)* serta hukum D-M yang asas. Langkah ini penting dan tidak boleh ditinggalkan oleh seseorang pengajar kerana pelajar mesti tahu bunyi-sebutan-kata-perkataan-ayat mudah-terjemahan-bina ayat mudah sebagai formula awal pembelajaran sesuatu bahasa asing khususnya bahasa Melayu. Dalam peringkat ini, pengajar akan memfokuskan pada latihan mendengar dan membaca sebagai asas pengenalan. Hal ini disebabkan latihan bertutur dan menulis adalah proses yang lebih sukar yang memerlukan pemahaman yang kukuh daripada pelajar dalam asas pembacaan dan pendengaran terlebih dahulu (Jadual 1).

Jadual 1: Pemerhatian Reflektif dalam Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Gaya Pembelajaran Model Kolb	Perincian Strategi Berdasarkan Empat Peringkat Gaya Pembelajaran Model Kolb yang	Skala
------------------------------	--	-------

		dilaksanakan oleh Tenaga Pengajar									
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
		10 Orang Penutur Asing									
Pemerhatian Reflektif	1. Pemerhatian Reflektif (LATIHAN KEMAHIRAN MENDENGAR/ MEMBACA) <ul style="list-style-type: none"> ➤ <i>BUKU / APPS / E-BUKU</i> ➤ <i>Pendekatan untuk mempelajari bahasa asing di dalam kelas</i> ➤ <i>Membaca / mendengar / melihat - Audio & Video</i> ➤ <i>Catatan dan Latihan</i> ➤ <i>(tersedia untuk memeriksa mereka yang sedang melakukan)</i> ➤ <i>(pembelajaran dalam talian/ pembelajaran gabungan moden / tradisional)</i> 	1	1					1	1	1	5


Peringkat pertama ini amat penting kerana ini adalah asas untuk para pelajar antarabangsa mahupun penutur asing yang baru mempelajari bahasa Melayu untuk memahami konsep awal untuk bertutur bahasa Melayu. Pada peringkat pemerhatian reflektif, latihan yang ditumpukan oleh tenaga pengajar dalam strategi pengajaran dan pembelajaran ialah pembelajaran di dalam kelas dan secara dalam talian. Latihan kemahiran mendengar dan membaca difokuskan pada peringkat ini. Penggunaan aplikasi (*apps*), buku dan buku digital. Skala diukur dalam skala 1 hingga 10. Skala bagi peringkat ini ialah skala 3 (1 orang/ 11.11%), skala 4 (1 orang/ 11.11%), skala 7 (1 orang/ 11.11%), skala 8 (1 orang/ 11.11%), skala 9 (1 orang/ 11.11%) dan skala 10 (5 orang/ 55.56%) (Jadual 2)

Pemerhatian Reflektif (Latihan Kemahiran Mendengar/ Membaca)			
Skala	Response (%)	Response	%
1	0.00	0	0.00
2	0.00	0	0.00
3	11.11	1	11.11
4	11.11	1	11.11
5	0.00	0	0.00
6	0.00	0	0.00
7	11.11	1	11.11
8	11.11	1	11.11
9	11.11	1	11.11
10	55.56	5	55.56

Jadual 2: Pemerhatian Reflektif bagi latihan kemahiran mendengar/membaca

Pada peringkat dalam memerhati ini, penutur asing yang mempelajari sama ada dari penguasaan yang kosong di mana tiada asas langsung mahupun telah mempunyai sedikit asas akan melalui proses memerhati perbualan dalam bahan bercetak, audio dan video bagi mendapatkan gambaran dan asas berbahasa bagi bahasa yang baru dipelajari (Rajah 2).

Rajah 2: Skala Pengukuran bagi Pemerhatian Reflektif



Dapatan 2

Pada peringkat kedua atau dikenal sebagai peringkat konseptual abstrak ini, pelajar masih menggunakan instrumen yang sama, iaitu buku, aplikasi “apps” dan e-buku. Para pelajar boleh memilih sama ada ingin membaca nota menerusi “apps” ataupun e-buku. Namun demikian, latihan hanya boleh dilakukan dan diakses melalui “apps”. Dalam peringkat ini pelajar dianggap telah menguasai peringkat pertama. Pengajar perlu memastikan peringkat pertama dilaksanakan dengan sepenuhnya dengan baik. Hal ini bagi memastikan pada peringkat kedua, pelajar tidak sukar untuk memahami kerana pengajar akan meneruskan pada latihan menulis atau menyusun ayat mudah dalam karangan pendek (Rajah 3).



Rajah 3: Antaramuka Apps

Dalam aplikasi “apps” ini, pelajar hanya perlu menulis ayat atau karangan hanya menggunakan telefon pintar dan menekan menu “submit”. Seterusnya pengajar akan menyemak dan memberi komen balas terhadap prestasi ayat yang dihantar oleh pelajar. Jika terdapat kesalahan struktur ayat, kesilapan ejaan, kesalahan makna dan sebagainya, pengajar juga hanya menaip perkara tersebut dan terus dihantar kepada pelajar antarabangsa. Justeru itu, strategi menggunakan pendekatan teknologi melalui “apps” dan e-buku ini sangat mudah, cepat dan menjimatkan masa pengajar, pelajar dan penutur asing itu sendiri (Jadual 3).

Jadual 3: Konseptual Abstrak dalam Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Gaya Pembelajaran Model Kolb	Perincian Strategi Berdasarkan Empat Peringkat Gaya Pembelajaran Model Kolb yang dilaksanakan oleh Tenaga Pengajar	Skala									
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
		10 Orang Penutur Asing									
Konseptual Abstrak	<p>2. Konseptual Abstrak (LATIHAN KEMAHIRAN MENULIS)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ <i>BUKU / APPS / E-BUKU</i> ➤ <i>Memahami dan dapat menerangkan teknik pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu asing</i> ➤ <i>Pergi melihat perbualan di 7 tempat sebenar</i> ➤ <i>(tersedia untuk memeriksa mereka yang sedang melakukan)</i> ➤ <i>(pembelajaran dalam talian / pembelajaran gabungan moden / tradisional)</i> 							1	3		6


Peringkat kedua ini juga turut penting dalam strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing kerana teknik ini memfokuskan pada latihan menulis ayat dan karangan. Walaupun objektif utama kursus ini adalah pelajar boleh bertutur dalam bahasa Melayu, namun dalam hasil pembelajaran kursus (HPK) yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Malaysia Pahang dan semua universiti yang menawarkan kursus ini memfokuskan pada empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Oleh hal yang demikian, elemen kemahiran menulis penting agar pelajar boleh menguasai penulisan ejaan perkataan dan ayat yang mudah di persekitaran mereka (Jadual 4).

Jadual 4: Konseptual abstrak bagi latihan kemahiran menulis

Konseptual Abstrak (Latihan Kemahiran Menulis)			
Skala	Response (%)	Response	%
1	0.00	0	0.00
2	0.00	0	0.00
3	0.00	0	0.00
4	0.00	0	0.00
5	0.00	0	0.00
6	0.00	0	0.00
7	11.11	1	11.11
8	33.33	3	33.33

9	0.00	0	0.00
10	66.67	6	66.67

Pada peringkat konseptual abstrak, latihan yang ditumpukan oleh tenaga pengajar ialah latihan kemahiran menulis. Penggunaan aplikasi (apps), buku dan buku digital diguna pakai pada peringkat ini dengan mendedahkan para pelajar antarabangsa dan penutur asing untuk berkunjung dan merasai sendiri perbualan di tempat-tempat sebenar. Skala diukur dalam skala 1 hingga 10 seperti peringkat pemerhatian reflektif. Skala bagi peringkat ini ialah skala 7 (1 orang/ 11.11%), skala 8 (1 orang/ 33.33%) dan skala 10 (1 orang/ 66.67%). Situasi dengan mencuba mendengar dan mempraktikkan kosa kata dan ayat mudah mahupun ayat majmuk memberi semangat dan motivasi kepada penutur asing tentang sejauh mana kemampuan mereka melontarkan dan menyebut bahasa yang baru dipelajari. Rata-ratanya dapat cuba mempraktikkan terutama pelajar dari Timur Tengah kerana perbendaharaan kata bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai persamaan tertentu, misalnya kata pinjaman dan suku kata yang agak sama bunyinya. Antara tempat yang dikunjungi ialah kafeteria, restoran, pasar malam, pejabat, asrama, perbualan tentang kelas dan menunjuk arah di kawasan persekitaran (Rajah 4).



Rajah 4: Skala Pengukuran bagi Konseptual Abstrak

Dapatan 3

Pada peringkat ketiga ini, iaitu peringkat eksperimen efektif, pengajar akan menumpukan pada latihan kemahiran bertutur. Latihan-latihan bagi keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu latihan kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur dimuatturun ke dalam aplikasi “apps” yang dinamakan Aplikasi Bahasa Melayu Antarabangsa (*Apps BMA*) (Rajah 5).



Rajah 5: Antaramuka Apps

Dalam latihan kemahiran mendengar, pelajar perlu klik pada menu “mendengar” dan melakukan latihan yang terdapat dalamnya. Pelajar perlu memilih jawapan yang betul dan boleh melihat skor mereka pada akhir jawapan. Guru Bahasa Melayu yang mengajar juga secara automatik dapat melihat markah dan reputasi pelajar berkenaan. Hal ini amat memudahkan kedua-dua pihak, iaitu pelajar dan guru (Jadual 5).

Jadual 5: Eksperimen Efektif dalam Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing


Gaya Pembelajaran Model Kolb	Perincian Strategi Berdasarkan Empat Peringkat Gaya Pembelajaran Model Kolb yang dilaksanakan oleh Tenaga Pengajar	Skala										
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
		10 Orang Penutur Asing										
Eksperimen Afektif	<p>3. Eksperimen Efektif (LATIHAN KEMAHIRAN BERTUTUR)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ <i>APPS / E-BUKU</i> ➤ <i>Mempunyai perbualan anda sendiri di 7 tempat sebenar</i> ➤ <i>Merakam dan memuat turun ke dalam e-buku dan aplikasi (tersedia untuk memeriksa mereka yang sedang melakukan)</i> ➤ <i>(pembelajaran dalam talian / pembelajaran moden / domain-gabungan)</i> 					1	1	1			1	6

Dalam latihan kemahiran membaca pula, pelajar hanya melakukan perkara yang sama, iaitu klik pada menu “membaca” dalam bahagian menu utama “latihan”. Aplikasi seumpama ini adalah satu inovasi dalam PdP bahasa Melayu kepada pelajar antrabangsa. Aplikasi ini juga sangat sesuai dimanfaatkan oleh penutur asing secara amnya.

Jadual 6: Eksperimen Efektif bagi latihan kemahiran bertutur

Eksperimen Efektif (Latihan Kemahiran Bertutur)			
Skala	Response (%)	Response	%
1	0.00	0	0
2	0.00	0	0
3	0.00	0	0
4	0.00	0	0
5	11.11	1	11.11111
6	11.11	1	11.11111
7	11.11	1	11.11111
8	0.00	0	0
9	11.11	1	11.11111
10	66.67	6	66.66667

Peringkat eksperimen efektif, latihan yang ditumpukan oleh tenaga pengajar ialah latihan kemahiran bertutur. Penggunaan aplikasi (apps) dan buku digital yang dirakam oleh penutur asing dan dimuatnaik ke dalam buku digital dan apps dengan meletakkan pautan. Dapatan pada peringkat ini menunjukkan skala bagi peringkat ini ialah skala 5 (1 orang/ 11.11%), skala 6 (1 orang/ 11.11%), skala 7 (1 orang/ 11.11%), skala 8 (1 orang/ 11.11%) dan skala 10 (6 orang/ 66.67%). Peringkat ini turut menjadi satu peringkat yang penting dalam melatih sebutan dan memberi keyakinan pada penutur asing untuk terus mempraktikkan perbendaharaan kata dan ayat gabungan yang telah dipelajari. Apabila perbualan yang diminta oleh tenaga pengajar perlulah dirakam, maka penutur asing akan lebih peka untuk menuturkan sebutan dan bunyi serta mengujarkan ayat kompleks dengan lebih tepat agar difahami oleh penutur natif, iaitu orang Malaysia atau penutur bukan natif, iaitu penutur bahasa Melayu secara umumnya.




Rajah 6: Skala Pengukuran bagi Eksperimen Efektif

Dapatan 4

Peringkat pengalaman konkrit ialah peringkat terakhir dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa dan penutur asing ini. Pada peringkat ini, guru bahasa di Universiti Malaysia Pahang, iaitu Puan Juwairiah

Osman memberi peluang kepada semua pelajarnya untuk menonjolkan bakat pengucapan awam untuk bahasa asing yang dipelajari mereka. Bakat ini bukannya memerlukan kesemua pelajar melakukan persembahan pengucapan awam dalam bentuk wacana yang terlalu tinggi, namun bergantung pada kemampuan dan penguasaan bahasa Melayu masing-masing (Rajah 7).



Rajah 7: Antaramuka Apps

Pengucapan awam yang dilaksanakan ialah perbualan bersama rakan, pidato ringkas, lakonan, sketsa, sajak, pantun, nazam dan nyanyian. Pengucapan awam ini dilaksanakan dalam bentuk penilaian kemahiran bertutur sebanyak 20% atau kurang daripada itu. Pelaksanaannya juga mempunyai rubrik tertentu seperti pengucapan awam yang lain, iaitu sebutan, isi kandungan teks, kefahaman, suara, keyakinan, kreativiti dan menepati masa. Namun bagi penutur asing kaedah pelaksanaannya tidak seperti pengucapan awam dan persembahan bagi penutur natif yang sudah fasih berbahasa Melayu atau sememangnya menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Rubrik penskoran lebih melihat pada sebutan, isi kandungan dan kefahaman pelajar antarabangsa tersebut dalam menyampaikan ucapan dan persembahan. Durasi masa pula antara 5-10 minit (Jadual 7).

Jadual 7: Pengalaman Konkrit dalam Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Gaya Pembelajaran Model Kolb	Perincian Strategi Berdasarkan Empat Peringkat Gaya Pembelajaran Model Kolb yang dilaksanakan oleh Tenaga Pengajar	Skala									
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
		10 Orang Penutur Asing									
Pengalaman Konkrit	<p>4. Pengalaman Konkrit (PERSEMBAHAN KREATIF/PENGUCAPAN AWAM)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ APPS / E-BUKU ➤ Telah menguasai, dan terus melakukan, wacana pragmatik dan aktiviti bahasa kiasan melalui: ➤ •Pengucapan awam 								1	2	7


- *(Elemen pragmatik teks penulisan ucapan, bahasa situasi, slanga, wacana)*
 - *(Elemen kiasan - simpulan bahasa, peribahasa, puisi, puisi, lagu, nazam)*
 - *• Persembahan Kreatif*
 - *(Elemen pragmatik teks penulisan ucapan, bahasa situasi, slanga, wacana)*
 - *(Elemen kiasan - simpulan bahasa, peribahasa, puisi, puisi, lagu, nazam)*
 - *• Program di Sekolah Kluster Bahasa Melayu*
 - *• Pertandingan Pidato Antarabangsa untuk Piala Perdana Menteri Bahasa Melayu / Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri (PABM). Malaysia adalah satu-satunya negara yang menganjurkan pertuturan bahasa Melayu antarabangsa sejak tahun 2006 yang melibatkan semua universiti asing di dunia yang mempunyai bahasa Melayu.*
 - *PABM2019 menduduki tempat ke-7 daripada 35 peserta*
 - *PABM2018 menduduki tempat ke-9 daripada 27 peserta*
 - *(Elemen pragmatik teks penulisan ucapan, bahasa situasi, slanga, wacana)*
 - *(Elemen kiasan - simpulan bahasa, peribahasa, puisi, puisi, lagu, nazam)*
 - *(tersedia untuk memeriksa mereka yang sedang melakukan)*
 - *(pembelajaran dalam talian / pembelajaran moden / domain-gabungan)*
-

Apabila ia dapat menyebut bunyi-bunyi ayat yang telah ditulis dengan baik dan memahami isi kandungan yang disampaikan, maka ia boleh dikira sebagai penutur yang baik. Walau bagaimanapun, guru bahasa akan membimbing para pelajar menulis teks pidato, puisi, lakonan dan lain-lain yang dilakukan ketika itu terlebih dahulu. Teks yang dibuat hanya dalam bentuk ringkas sekadar memenuhi tuntutan PdP kursus ini iaitu menguasai perbualan asas. Jika dirujuk dalam panduan skala *CEFR* bahasa, tahap yang diperlukan sekadar A1 dan A2 sahaja iaiti penutur asing atau pelajar antarabangsa ini dapat bertutur dalam perbualan asas seperti asas komunikasi untuk perbualan harian sama ada bersama penutur natif mahupun sesama penutur bukan natif.

Jadual 8: Pengalaman konkrit bagi latihan persembahan kreatif

Pengalaman Konkrit (Persembahan Kreatif/Pengucapan Awam)			
Skala	Response (%)	Response (%)	
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8	11.11	1	11.11111
9	22.22	2	22.22222
10	77.78	7	77.77778

Teknik ini bukan sahaja digunakan oleh para pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang, malah pernah dimanfaatkan juga ketika tenaga pengajar mengajar dan berkongsi ilmu dengan penutur asing yang ingin mempelajari bahasa kebangsaan Malaysia, iaitu bahasa Melayu.



Rajah 8: Skala Pengukuran bagi Pengalaman Konkrit

Peringkat pengalaman konkrit, latihan yang ditumpukan oleh tenaga pengajar ialah latihan kemahiran bertutur menerusi program dan aktiviti fizikal yang diadakan serta latihan kemahiran menulis terlibat secara langsung, iaitu dalam menyiapkan teks dan skrip sebelum sesuatu persembahan dilangsungkan. Antara program yang dijalankan ialah pengucapan awam, program komunikasi bersama penutur natif di institusi tertentu dan penyertaan dalam pertandingan peringkat antarabangsa, iaitu Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdan Menteri. Walaupun pertandingan tersebut hanya disertai oleh beberapa pelajar terpilih yang berjaya fasih atau telah fasih dengan pratikal sendiri, namun pendedahan terhadap latar belakang pertandingan ini telah memberi motivasi kepada pelajar untuk bertutur dan terus belajar bahasa Melayu. Penggunaan aplikasi (apps) dan buku digital dimanfaatkan pada peringkat ini. Hasil kajian dalam peringkat kemuncak ini menunjukkan skalanya ialah skala 8 (1 orang/ 11.11%), skala 9 (2 orang/ 22.22%) dan skala 10 (7 orang/ 77.78%) (Rajah 8).

Perbincangan

Pembelajaran Bahasa Melayu Asing Berdasarkan Model Kolb kepada Institusi Luar dan Masyarakat

Teknik ini telah memberi impak bukan sahaja kepada pelajar antarabangsa dan penutur asing, malah memberi manfaat kepada para pelajar sekolah, mahasiswa universiti lain dan masyarakat sekitar. Hal ini terbukti pada semua peringkat iaitu peringkat pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit. Pada setiap peringkat para pelajar akan berkongsi proses pembelajaran dalam media sosial yang diselia oleh guru bahasa yang mengajar. Dengan ini, sebahagian pelajar dapat berkongsi dengan rakan-rakan di universiti lain mahupun rakan-rakan dan rakan-rakan di negara masing-masing. Jadual di bawah menunjukkan impak teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran berasaskan Model Kolb kepada komuniti persekitaran.

Jadual 9: Impak PdP Berasaskan Model Kolb kepada komuniti persekitaran

Impak PdP Berasaskan Model Kolb kepada komuniti persekitaran
Rakan-rakan di Universiti Malaysia Pahang (pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan)
Para pelajar sekolah sekitar di negeri Pahang
Rakan-rakan di universiti awam lain (dalam Malaysia)
Rakan-rakan di negara asal
Kenalan dengan rakan baharu dari universiti luar negara semasa menyertai Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM)
Ahli keluarga

Berdasarkan Jadual 9 tersebut menunjukkan strategi PdP Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa ini telah memberi impak yang positif kepada golongan tertentu dalam persekitaran pelajar antarabangsa itu sendiri. Hal ini termasuklah perkongsian ilmu dan program-program yang dianjurkan. Perkongsian ilmu ini dalam bentuk perkongsian aktiviti pelajar antarabangsa yang dipaparkan menerusi media sosial. Contohnya, dalam Facebook bahasa Melayu yang diselia oleh tenaga pengajar atau guru bahasa iaitu Facebook “*Let’s Speak Malay*” dan Bahasa Melayu Pusat Bahasa Moden atau Bahasa Melayu PBM.” Aktiviti dalam talian ini telah dilihat dan mendapat respon daripada rakan-rakan pelajar antarabangsa ini di Universiti Malaysia Pahang. Aktiviti para pelajar yang paling ketara mendapat impak dan penglibatan daripada pelajar tempatan dan antarabangsa yang pernah mengikuti kursus bahasa Melayu ini adalah aktiviti berbentuk program pengucapan awam dan program di luar kampus. Aktiviti ini adalah proses strategi pada peringkat keempat, iaitu pengalaman konkrit yang telah dijelaskan. Program pengucapan awam yang dilaksanakan termasuk pidato, lakonan, puisi, nyanyian dan sebagainya. Hal ini bermaksud pelajar antarabangsa banyak mendapat sokongan dan kerjasama daripada rakan-rakan satu negara, rakan-rakan berlainan negara dan sahabat dalam kalangan pelajar tempatan UMP sendiri dalam program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam kursus bahasa Melayu ini. Golongan seterusnya yang menerima impak dengan strategi PdP bahasa Melayu berasaskan pengalaman Model Kolb tersebut adalah murid-murid dan para pelajar sekolah di sekitar negeri Pahang. Sekolah yang terlibat adalah sekolah kluster kecemerlangan (SKK) kebitaraan bahasa Melayu di negeri Pahang dan juga sekolah harian biasa yang berdekatan dengan Universiti Malaysia Pahang. Antara sekolah yang terlibat SKK SK Tunku Azizah, SKK SMK Seri Bera, SKK SK Selancar 2, SKK SK Bukit Lada dan Sekolah Kebangsaan Gambang, Kuantan.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap empat peringkat gaya pembelajaran Model Kolb, iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit. Dalam perbincangan kajian ini dapat dilihat pengalaman konkrit adalah yang banyak memberi kesan kepada pelajar asing ini. Hal ini menunjukkan peringkat-peringkat sebelumnya yang menekankan pendekatan tradisional, penggunaan teknologi dan aktiviti dalam serta luar kelas telah memberi impak

yang positif dalam minat dan motivasi pelajar untuk melakukan aktiviti kemahiran bertutur dengan lebih berkesan. Maka, dapat disimpulkan bahawa pelajar antarabangsa dan penutur asing yang melalui pelbagai pendedahan dan pendekatan pembelajaran bahasa asing dalam peringkat-peringkat Model Kolb ini dapat meningkatkan motivasi, minat dan seterusnya menyumbang pada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mencadangkan kajian akan datang boleh memperincikan lagi strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu asing yang bersandarkan gaya pembelajaran yang menyeluruh daripada semua aspek dengan menggunakan model yang dapat memberi panduan kepada tenaga pengajar.

Rujukan

- Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid. Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing: Strategi Komunikasi dalam kalangan Pelajar Korea di HUFU (*Hankuk University of Foreign Studies*). *Jurnal Pengajian Melayu*. [Vol 24 No 1 \(2013\)](#).
- Chyn-Chye, Yong, Vijayaletchumy Subramaniam, and Chan Tze-Haw. 2013. "Peranan Faktor Ekstralinguistik Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing". *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 4 (November), 231-44. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1173>.
- David A. Kolb. (1984). *"Experiential Learning: Experience as The Source of Learning and Development."* Penerbit: Prentice-Hall.
- Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu untuk Penutur Asing di Pusat Penyelidikan Langkawi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 24-26 Oktober 2021. Dimuat turun dari laman web http://www.ukm.my/kitbm/wpcontent/uploads/artikel/all_kertas_kerja_seminar_BM_untuk_PA.pdf
- Mardian Shah Omar. (2018). Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran, "Kelas Penajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet. *Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 353-367.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar Saniah. *Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing*. Julai 2018. Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu kali Kelima di Tashkent, Uzbekistan
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat dan Yusfarina Mohd Yussof. "Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing." *Jurnal Linguistik*. [Vol 21 No 2 \(2017\)](#).
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar, Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Kecelaruhan Morfologi dalam Penulisan Bahasa Melayu oleh Penutur Asing. ISSN 1823-9242, *Jurnal Linguistik* Vol.22 (22) Disember 2018, hlmn. 20-36.
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, Hasnah Mohamad. Pembangunan Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu Penutur Asing Berteraskan Budaya. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 9, 2018/ ISSN 1823-6812 (144-157).
- Osman, J., Bebe Mohamad, J., Ahmad, A. N., & Razali, J. R. (2018). Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 61 - 79.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17(1), February 2017*.
- Siti Saniah Abu Bakar, 2013. Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013): 52-62.
- Khuzaiton Binti Zakaria dan Thana Binti Abdullah. (2014). Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing Dan Cabarannya: Pengalaman Di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. *Teaching and Learning in The 21st Century: Challenges for Lecturers and Teachers*.
- Zaliza Mohamad Nasir (2015). Penguasaan Tatabahasa dalam kalangan Pelajar Antarabangsa. *Tesis*. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Nuur Roihan Saidin. (2015). Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Asing di Sebuah IPTA. *Tesis*. Penerbit:

Universiti Putra Malaysia.

Yong Chyn Chye dan Vijayaletchumy A/P Subramaniam. Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 667 Volume 12(2), May 2012.

Zeckqualine Melai dan Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa Dalam Penulisan. *Issues in Language Studies (Vol 9 No 1, 2020)*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak